

23 AUG 2002

Mahathir-Inggeris/I

B.INGGERIS: MEREKA YANG SETUJU DIAMKAN DIRI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata terdapat kaum Cina yang mahu anak-anak mereka menguasai Bahasa Inggeris tetapi memilih untuk mendiamkan diri daripada memperkatakan tentang perkara itu.

Sambil merujuk kepada laporan akhbar hari ini yang mendedahkan beribu-ribu pelajar Cina Malaysia mendaftar di sekolah-sekolah Singapura yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan, beliau berkata ini menunjukkan mereka bersetuju dengan langkah kerajaan mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris di sekolah.

"Ini menunjukkan adanya kaum Cina yang bersetuju (dengan perkara ini). Ada yang tidak bersetuju.

"Tetapi mereka yang bersetuju tidak berkata apa-apa," katanya pada sidang media selepas merasmikan Perhimpunan dan Simposium Generasi Felda Malaysia, di kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di sini.

Laporan berita itu memetik presiden Gabungan Pelajar-pelajar Semenanjung Malaysia Datuk Suhaimi Ibrahim sebagai berkata bahawa pelajar-pelajar Malaysia mendaftarkan diri di sekolah-sekolah menengah di Singapura kerana mahu belajar dalam Bahasa Inggeris.

Kerajaan mengumumkan hasratnya untuk menggunakan Bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik mulai tahun depan tetapi langkah itu menimbulkan kebimbangan pihak tertentu masyarakat termasuk kumpulan pendidikan dan parti politik Cina.

-- BERNAMA

MAM MFJ RM NAK